

# Tiada label 'kem', PKR hanya ada satu pasukan Anwar Ibrahim



**Pemilihan** PKR peringkat cabang, Angkatan Muda Keadilan (AMK) dan Wanita berakhir kelmarin, namun tumpuan terarah apabila beberapa nama besar yang kalah dikaitkan dengan 'kem' Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Rafizi Ramli.

Antaranya, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir yang tewas mengejut walaupun dengan majoriti tipis bawah 150 undi.

Perkembangan itu walaupun mencetuskan rasa tidak puas hati beberapa pihak yang tewas, namun secara tidak langsung ia menyaksikan suara akar umbi mahukan parti dipimpin oleh satu kepemimpinan PKR yang kuat dan stabil di bawah payung Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Suara sudah dilaungkan akar umbi bahawa PKR hanya perlu ada satu pasukan iaitu pasukan Anwar Ibrahim dan isyarat itu perlu diberi perhatian oleh barisan kepemimpinan parti.

Angin perubahan cukup drastik yang disuarakan akar umbi ini juga jelas membawa mesej bahawa PKR tidak boleh lagi 'berpecah' kepada kumpulan tertentu yang cuba menguasai

parti di peringkat cabang dan Pusat.

Berpaksikan kepada suara demokrasi yang subur dalam PKR, ini adalah kali pertama dalam sejarah pemilihan parti, akar umbi berani melakukan satu keputusan 'menongkah arus' tanpa mengira kedudukan dan jawatan calon, ketika membuat pilihan di peringkat cabang.

Selain Nik Nazmi dan Akmal Nasrullah, beberapa pemimpin yang dikatakan dekat dengan Rafizi, namun tewas pada pemilihan kali ini ialah Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik di Cabang Balik Pulau; Ahli Parlimen Petaling Jaya, Lee Chean Chung (Petaling Jaya) dan Ahli Parlimen Segamat R Yuneswaran (Segamat).

Keberanian akar umbi 'mengalihkan' arah tuju parti di peringkat cabang ini wajar dipuji kerana mereka melakukannya demi melihat PKR, iaitu sebuah parti yang penuh bersejarah, daripada jalanan ke Putrajaya dengan menjunjung pegangan reformasi yang cukup kuat sejak ditubuhkan, terus dikukuhkan.

Pastinya, majoriti ahli PKR

di 222 cabang ini mahukan institusi Presiden diberikan mandat lebih kuat lagi dan tidak mahu parti terus dibelenggu dengan label tertentu seperti kem Rafizi dan sebagainya.

## Main peranan lebih besar

Mereka mahu melihat Anwar terus memainkan peranan lebih besar secara solid seperti DAP dan UMNO, di mana kuasa Presiden mengatasi segala-galanya.

Namun, di sebalik perkembangan itu, fakta tidak boleh diketepikan bahawa ada juga sekutu Rafizi turut meraih kejayaan pada pemilihan parti.

Ia termasuk Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang yang menang tanpa bertanding di Cabang Tanjong Malim serta Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun yang mempertahankan jawatan di Cabang Port Dickson.

Malah, Rafizi yang juga Menteri Ekonomi turut menang bergaya tanpa laluan sukar di Cabang Pandan dengan mengalahkan pencabarnya dalam perlawanan satu lawan satu.

Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Azmi Hassan, berkata

keputusan di cabang menunjukkan akar umbi mahukan hanya kem yang selari dengan presiden berada dalam parti, bagi sama-sama meneruskan perjuangan parti yang tertubuh atas 'sejarah' panjang Anwar sendiri.

Beliau berkata, menariknya dengan perkembangan ini, timbul persoalan wujudnya kemungkinan bekas Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bakal mencabar Rafizi sekali lagi dalam pemilihan kali ini.

"Paling cocok adalah Saifuddin kerana mereka (Saifuddin dan Anwar) sama-sama menubuhkan parti dengan Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Ini amat menarik sekali. Walaupun pada ketika ini jawatan timbalan presiden belum ada pencabar, namun melihat pola keputusan di cabang mungkin akan adanya pencabar nanti," katanya.

Pada pemilihan PKR bagi penggal 2022-2025, Saifuddin yang juga Menteri Dalam Negeri tewas di tangan Rafizi ketika merebut jawatan timbalan presiden.

Bagi penganalisis politik

dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Sivamurugan Pandian, perkembangan itu walaupun jelas menunjukkan ahli PKR mahukan hanya satu nakhoda dalam parti, namun ia tidaklah menunjukkan bahawa kem Rafizi berkubur sepenuhnya.

"Lumrah dalam mana-mana pemilihan ada yang menang, ada yang tewas...yang menang tidak menang semuanya, yang kalah tidak kalah semuanya.

"Tetapi mereka (kem Rafizi) perlu kekal menguatkan diri untuk kembali dalam pemilihan akan datang," katanya.

Selain itu, Sivamurugan berkata, perkembangan pemilihan di 222 cabang PKR yang menyaksikan beberapa sekutu Rafizi tumbang, mencetuskan persoalan menarik yang memungkinkan wujudnya pencabar Menteri Ekonomi itu bagi jawatan timbalan presiden parti.

"Ini kerana sesiapa yang menjawat jawatan timbalan presiden dijangka diputuskan sebagai pengganti Anwar kerana ini juga penggal terakhir beliau sebagai presiden," katanya.

Namun, nasihat Sivamurugan adalah supaya barisan pemimpin yang tewas perlu akur demi kelangsungan masa depan parti tanpa mewujudkan sabotaj, memulau atau mengaibkan mana-mana pemimpin.

Beliau berkata, tindakan itu berisiko mencetuskan polemik sewaktu pemilihan jawatan tinggi PKR dan yang paling merisaukan pola pengundian terbabit boleh memberi impak kepada pemilihan bagi kedudukan lain dalam parti.

